

30 DEC 2002

DR MAHATHIR BERDIALOG DENGAN PEMIKIR ISLAM

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berdialog dengan pemikir Islam dalam satu multaga atau pertemuan yang diadakan secara tertutup di sini.

Multaga itu dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan yang bertanggungjawab menguruskan isu Malaysia sebagai sebuah negara Islam, pemurnian perjuangan Melayu gemilang, konsep bersyukur, konsep perpaduan, akhlak terpuji dan tercela dan konsep amal soleh.

Multaga selama tiga hari itu yang bermula semalam membincangkan pelbagai perkara mengenai jihad dan cabaran zaman moden, pendidikan Islam sepadu bagi melahirkan generasi Islam yang utuh dan cemerlang serta perjuangan Malaysia untuk menjadi negara Islam yang maju.

Antara yang menyampaikan ceramah pada multaga itu termasuk Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Datuk Nakhaie Ahmad, Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Prof Datuk Paduka Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Madya Mohd Yusoff Hussain.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Timbalannya Datuk Zainuddin Maidin serta Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

-- BERNAMA

AKT AKT PR